

## Syarahan Sains UMS Kupas Isu Sains Dalam Pembuatan Dasar

Terakhir dikemaskini: Selasa, 27 Mac 2018 17:09 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 258

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**SELASA, 27 MAC** – Syarahan Sains Universiti Malaysia Sabah (UMS) Siri 1/2018 yang berlangsung di Dewan Resital, kelmarin menjadi platform dalam mengupas isu

perkembangan sains sebagai kaedah pembuatan dasar terbaik.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang berkata, perbincangan tentang perkembangan sains perlu khususnya melibatkan ahli-ahli akademik dan pelajar universiti.

“Pelbagai keputusan mampu dibuat berdasarkan perbincangan akademik yang membincangkan isu perkembangan sains terhadap kelestarian alam.

“Sebagai contoh, kita boleh meneliti dasar kelestarian dan bagaimana memperbaiki dasar sedia ada dengan penglibatan para ahli akademik dan pelajar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan bertajuk “Science and Policy Making: My Reflection on Water, Science and Sustainability” di hadapan lebih 400 warga UMS yang hadir.

Beliau menambah, perbincangan dalam bentuk syarahan turut membuka kepada penambahbaikan kepada banyak perkara.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin dalam ucapannya berkata ilmu dan perkongsian pensyarah dalam sesi syarahan tersebut mampu menonjolkan kehebatan sains dan keperluan sains dalam kehidupan seharian sebagai saintis atau pentadbir.

Turut hadir pada majlis sayarahan tersebut Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Datuk Yeo Boon Hai dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah, YM Tunku Khalkausar Tunku Fathahi.